



EON

Epitome of Nature



**TS DR
NOR'AISHAH
HASAN**

SRIKANDI TEKNOLOGI

**OMEGA-3
PERANAN IKAN**

**MAKMAL
MEGA
PERANAN DALAM
BIOLOGI MOLEKUL**

**CANVA
MAKMAL
KOMPUTER MAYA?**


**TEKNOLOGI
PLASTIK
APAKAH KESANNYA?**

**RISK
MANAGEMENT IN
MICROBIOLOGY
LABORATORY**

**KENALI PENYAKIT
IKAN DALAM
MAKMAL**

**PLOGGING:
A NEW TREND IN
ENVIRONMENT?**

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



TS. MOHAMAD QUZAMI AN-NUUR
BIN AHMAD RADZI

Kolej Pengajian Seni Kreatif,
UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri
Iskandar, 32610 Seri Iskandar,
Perak Darul Ridzuan

quzami@uitm.edu.my

EDITOR: DR NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN

Jika diperhatikan, perisian dalam talian Canva sebenarnya adalah perisian yang tidak asing dan telah digunakan meluas oleh pelbagai lapisan dan peringkat umur pada masa ini. Perisian ini juga boleh diakses terus menggunakan aplikasi yang boleh dipasang di mana-mana telefon pintar atau tablet dan ia juga boleh diakses mudah menggunakan apa-apa sahaja pelayar web. Ini menyebabkan lebih ramai pengguna yang mula beralih dari perisian berbayar mahal dan mempelajari perisian Canva ini terutama versi percumanya.

Secara keseluruhannya, asas kepada penghasilan perisian dalam talian Canva ini adalah berpaksikan kepada penghasilan rekaan grafik. Walaubagaimanapun, hasil akhir daripada penggunaan perisian ini dilihat lebih menarik dan memukau berbanding perisian setanding dengannya. Ini menjadikan perisian ini semakin popular untuk digunakan dan dipraktikkan. Hasil kerja akhir yang menarik ini juga sebenarnya membantu pereka grafik diluar sana turut menggunakannya. Perisian ini membolehkan pengguna menghasilkan rekaan grafik selain daripada penghasilan logo dan poster semata-mata.


Walaubagaimanapun, perisian ini adalah sangat sesuai untuk apa sahaja yang memerlukan hasil akhir yang menarik terutama yang hanya dipaparkan di dalam skrin.

Dalam memastikan perisian dalam talian Canva ini relevan untuk digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat, umur dan taraf pendidikan, pihak pereka perisian ini menaik taraf fungsi-fungsi lain yang menarik. Penghasilan montaj, video pembentangan, laman web asas dan buku digital adalah antara fungsi perisian ini yang boleh dipelajari. Selain daripada itu, rekaan-rekaan grafik yang disediakan di dalam Canva ini juga merupakan rekaan yang telah disediakan dalam bentuk templat yang boleh diolah semula oleh sesiapa sahaja.

Kemajuan teknologi membantu dalam merencanakan lagi ekosistem digital di dalam dunia ini. Dengan adanya teknologi terkini, ia sebenarnya memudahkan dan memendekkan masa dalam menyelesaikan sesuatu kerja. Banyak urusan kerja seharian boleh dilaksanakan dengan bantuan teknologi canggih yang ada pada hari ini. Selain itu, kebanyakan hasil kemajuan teknologi pada harini adalah berkait rapat dengan sambungan internet yang baik dan jenis peranti yang kemaskini perisian terkini.

Oleh itu, wujud satu perisian yang boleh diibaratkan sebagai makmal komputer grafik maya yang dikenali sebagai Canva. Menurut carian dan maklumat di dalam internet, perisian Canva ini telah di asaskan di Perth, Australia pada 1 Januari 2013. Perisian ini kemudiannya telah ditambah baik secara berkala mulai tahun 2014 apabila syarikat pemilik perisian ini melantik pakar teknologi menyertai pasukan rekaan mereka. Kemudiannya, perisian Canva mula menegemaskini perisian yang memberi fokus kepada bahan-bahan berkaitan pemasaran dan perniagaan mulai tahun 2015.





Gambar 1. Muka hadapan perisian Canva

Jika dilihat pada muka hadapan perisian Canva ini, terdapat banyak fungsi pengolahan tempat sedia ada yang disediakan. Pengguna boleh menambah imej baharu, mengubah jenis atau saiz tulisan, menggunakan emoji atau pelekat beranimasi, menambah fail muzik atau video, membuang latar belakang serta menyunting imej. Ini membuatkan perisian Canva ini adalah lengkap untuk digunakan oleh sesiapa sahaja.

Seterusnya, fungsi kongsi (*share*) di dalam Canva ini juga memberikan akses kepada sesiapa sahaja untuk mengolah dan melihat hasil rekaan yang telah dihasilkan. Walaubagaimanapun, pihak Canva juga ada menawarkan versi premium yang mana dilengkapi dengan fungsi-fungsi yang lebih menarik, templat dan imej yang lebih baik daripada versi percuma. Penulis berpendapat bahawa versi percuma yang diberikan oleh pihak Canva juga adalah masih relevan untuk digunakan oleh kita semua.

Selain daripada itu, terdapat pelbagai panduan serta tutorial penggunaan perisian Canva ini yang boleh diakses dan ditonton di dalam talian. Ini menjadikan perisian yang diibaratkan makmal komputer maya ini lebih dikenali ramai diluar sana. Ia juga menjadi pendorong kepada semua yang ingin mendapatkan hasil rekaan grafik menarik untuk dipersembahkan dan dipertontonkan menggunakan perisian Canva ini.

Walaupun terdapat isu mengatakan bahawa perisian ini mungkin menggugat perisian rekaan grafik di dalam komputer, akan tetapi perisian Canva ini mempunyai perbezaan dan peminatnya yang tersendiri.

Kesimpulannya, perisian Canva ini merupakan hasil kemajuan dan kemaskini teknologi terkini. Perisian ini sebenarnya banyak membantu masyarakat seperti golongan pelajar atau penarah dalam menghasilkan pembentangan, penghasilan poster jualan dan promosi oleh usahawan, penghasilan laman web ringkas untuk perniagaan dan penghasilan pelbagai jenis kad ucapan dan jemputan kepada yang memerlukan. Yang lebih penting, perisian ini ada di dalam versi percuma yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja.

